



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

PGT 219 – PENGANTAR KAEDAH MENGAJAR ILMU KEMANUSIAAN

TAJUK : ULASAN KRITIKAN VIDEO

DISEDIAKAN OLEH:



ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

(148634)

TARIKH PENGHANTARAN : 16 DISEMBER 2020

DISEDIAKAN UNTUK :

PROFESSOR MADYA. DR. JAMALSAFRI B. SAIBON

PROFESOR MADYA DR. ASWATI BINTI HAMZAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK
1.0 Pengenalan
2.0 Set Induksi
3.0 Kemahiran Menerang
4.0 Aktiviti Berkumpulan Berpusatkan Pelajar
5.0 Rumusan dan Penutup
6.0 Kesimpulan
7.0 Rujukan

1.0 PENGENALAN

Pengajaran mikro merupakan satu teknik pengajaran untuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru dalam aspek-aspek tertentu seperti set induksi, kemahiran menerang, dan lain-lain. Pengajaran mikro ini bukan sahaja membantu murid untuk mudah faham dengan lebih cepat, namun juga dapat meningkatkan keupayaan seorang murid untuk berfikir dengan lebih jauh. Dengan adanya pengajaran mikro ini juga, guru mampu untuk fokus kepada murid dan memberikan pengajaran yang baik untuk membantu murid dalam topik pembelajaran yang disampaikan. Pengajaran mikro juga dapat membina kemahiran guru berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, kita dapat mengatakan bahawa pengajaran mikro digunakan untuk memerihalkan teknik pengajaran untuk membolehkan guru atau pelajar menguasai, melatih atau memurnikan kemahiran pengajaran dalam situasi yang dikurangkan dari segi kesukarannya. Maka dalam melaksanakan pengajaran mikro, bilangan pelajar dan peruntukan masa dikurangkan. Hal ini bagi memudahkan sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung.

2.0 SET INDUKSI (VIDEO 1)

Menurut Ee Ah Meng menyatakan set induksi ialah kemahiran yang berkaitan dengan cara untuk menyediakan pelajar bagi mengikuti sesi pengajaran iaitu orientasi prapengajaran.

Manakala mengikut Mok Song Sang pula menyatakan set induksi merupakan bahagian permulaan dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran di mana tujuan utama mengadakannya ialah untuk membina aliran fikiran serta menimbulkan minat murid-murid supaya mereka dapat memusatkan perhatian terhadap isi pelajaran yang hendak disampaikan.

Saya telah memilih video yang pertama yang berdurasi selama 3.29 saat, pada video ini guru telah mengajarkan subjek sejarah dalam set induksi untuk saya ulas mengenai teknik pengajaran yang disampaikan. Sebelum itu, saya ingin menjelaskan mengenai definisi set induksi secara terperinci. Set induksi adalah teknik pengajaran yang paling penting dan berkesan untuk memulakan pembelajaran. Hal ini boleh dikatakan demikian kerana set induksi boleh merangsang minat murid untuk belajar dan mewujudkan semangat ingin tahu mereka. Set induksi yang menarik dan kreatif boleh

menjadikan murid lebih aktif untuk menjalankan aktiviti yang seterusnya. Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting bagi memastikan sesuatu pembelajaran dapat dimulakan dengan baik dan mewujudkan motivasi dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan video set induksi yang pertama, kekuatan yang saya dapat lihat daripada video ini adalah prinsip set induksi yang digunakan menunjukkan perkaitan. Jika kita lihat, guru telah menggunakan papan puzzle dan meminta murid untuk mencamtumkannya, apabila puzzle tersebut selesai, guru telah menanyakan kepada murid mengenai gambar yang terhasil. Dengan mudah murid dapat meneka bahawa gambar tersebut merupakan gambar Perdana Menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman, apa yang murid boleh tahu adalah subjek tersebut pasti berkaitan dengan kemerdekaan kerana Tunku Abdul Rahman merupakan pengasas kepada kemerdekaan Malaysia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru telah menggunakan prinsip perkaitan dalam set induksi iaitu dengan memulakan pelajaran dengan mengaitkan aktiviti yang disampaikan dengan isi dan objektif pembelajaran yang hendak dicapai. Secara tidak langsung guru dapat memberitahu kepada murid berkaitan topik pembelajaran yang akan disampaikan melalui aktiviti set induksi yang disampaikan. Jika kita rujuk pada pembentangan kumpulan tutorial 3-4 iaitu Nur Effa Shafiza dan Siti Aisyah Faiqah menjelaskan bahawa prinsip kemahiran menerang juga adalah berstruktur. Dalam video ini, kita dapat melihat guru tidak terus ke laungan kemerdekaan, tetapi guru memperkenalkan dahulu mengenai pengasas kemerdekaan di negara kita, hal ini menunjukkan terdapat langkah demi langkah yang telah digunakan oleh guru.

Seterusnya, video ini juga telah menarik perhatian dan mewujudkan motivasi. Hal ini kerana, kita dapat melihat pada akhir video, guru telah meminta seorang murid untuk melaungkan kemerdekaan seperti mana yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman. Apabila guru meminta semua murid untuk berdiri, kita dapat merasakan laungan kemerdekaan menjadi lebih semangat dan murid dapat merasai semangat patriotik tersebut. Guru yang juga banyak bertanyakan soalan kepada murid mampu menarik perhatian agar murid sentiasa fokus dalam pembelajaran. Bukan itu sahaja, pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila guru memulakan pembelajaran dengan mengambil berat akan umur, pengalaman dan minat pelajar. Hal ini kerana, tajuk yang dipilih oleh guru bersesuaian dengan tahap perkembangan pelajar. Jika guru mengajarkan subjek kemerdekaan kepada murid tahun 1, sudah pasti subjek tersebut tidak bersesuaian. Melalui pembacaan artikel yang ditulis oleh Faridah Haji Puteh, Noorissa Fitria Saat dan Siti Hatizah Haji Mohd Salihen menjelaskan bahawa dalam

pengajaran guru, pelajar berkemungkinan hilang tumpuan sekejap, jadi guru perlu peka dengan keadaan pelajar dengan mengemukakan soalan-soalan yang boleh membuat pelajar itu berfikir dan boleh menarik perhatian pelajar. Oleh itu, jelas kita lihat dalam video ini menunjukkan guru sering memberikan soalan-soalan kepada pelajar.

Namun begitu, kelemahan yang kita dapat lihat daripada video set induksi ini adalah pada akhir pelaksanaan set induksi ini, guru tidak memberikan penerangan lanjut mengenai laungan kemerdekaan tadi dan guru juga tidak menjelaskan mengenai objektif pembelajaran pada hari tersebut, hal ini memberi kesan terhadap sesi pembelajaran kerana murid akan tertanya-tanya mengenai topik tersebut. Dalam hal ini, menunjukkan guru kurang menguasai isi pelajaran dan tergo-poh-gapah dalam membuat contoh untuk membuat perkaitan dalam sesuatu pelajaran yang diajarnya dan berkemungkinan besar akan sukar baginya untuk memberikan penjelasan yang mudah kepada pelajar-pelajarnya sendiri.

Penambahbaikan yang boleh kita lakukan adalah guru perlu banyak menimba ilmu pengetahuan dan sejarah dengan lebih mendalam, contohnya mengetahui tentang mengapa laungan kemerdekaan dilakukan sebanyak 7 kali kerana ianya sangat penting bagi seorang guru yang ingin kerjayanya untuk mendidik anak bangsa. Dalam video ini juga, guru mestilah banyak bertanya atau berbincang dengan rakan-rakan ataupun guru yang berpengalaman dalam bidang mendidik dan mengajar kanak-kanak. Akhir sekali, Guru-guru perlu membuat banyak kajian melalui pembacaan buku-buku pendidikan untuk diguna-pakai dalam menyampai set induksi tentang sesuatu isi pelajaran itu.

3.0 KEMAHIRAN MENERANG (VIDEO 1)

Bagi tajuk kemahiran menerang, saya telah memilih video pertama yang berdurasi selama 8.06, guru mengajar subjek geografi bertajuk pemanasan global. Menurut Behr kemahiran menerang ialah kemampuan untuk memberikan kefahaman kepada orang lain. Dalam konteks ini, kemahiran menerang ini lebih tertumpu kepada pelajar, guru perlulah berusaha sedaya upaya untuk memastikan murid memahami setiap isi pelajaran yang disampaikan. Guru tidak boleh hanya menerang tetapi tiada isi dan objektif yang hendak disampaikan. Sekiranya perkara ini berlaku, guru banyak menggunakan masa dan murid menjadi tidak berminat untuk mempelajari subjek yang diajar. Seseorang guru bertanggungjawab menyampaikan pembelajaran dalam keadaan murid tertarik dengan kaedah pengajaran yang digunakan.

Kelebihan yang terdapat pada video ini adalah kita dapat melihat prinsip kemahiran menerang dengan jelas. Terdapat 4 prinsip yang terdapat dalam kemahiran menerang, salah satu yang dapat kita lihat daripada video ini adalah prinsip urutan dan kesinambungan. Dalam video tersebut, guru telah menerangkan mengenai subjek geografi yang bertajuk pemanasan global, guru memberi penerangan secara teratur dengan memberikan definisi terlebih dahulu, seterusnya objektif, faktor dan diikuti kesan yang berlaku disebabkan oleh pemanasan global. Dalam video pembentangan kumpulan dua mengenai kemahiran menerang, saudari Nur Auni Mazlan ada memberitahu bahawa urutan dan kesinambungan menggunakan kaedah pengajaran induktif dan kaedah pengajaran deduktif. Kaedah pengajaran induktif merupakan salah satu kaedah mengajar yang sangat sesuai digunakan dalam pengajaran pelbagai mata pelajaran, khususnya mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa. (Mok Soon Sang, 2001). Pengajaran berasaskan induktif adalah satu proses pendekatan mengajar yang melibatkan satu proses penaakulan yang tinggi di mana melibatkan aktiviti mengumpul dan mentafsir maklumat, kemudian membuat generalisasi atau kesimpulan. (Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2004). Manakala, pengajaran berasaskan deduktif adalah satu pendekatan mengajar yang berasaskan pengajaran berdasarkan keseluruhan konsep. Konsep deduktif boleh ditakrifkan sebagai sesuatu pendekatan mengajar yang bermula daripada sesuatu atau beberapa rumus, prinsip, hokum, teori atau peraturan yang diikuti dengan aplikasinya ke atas contoh-contoh khusus. (Mok Soon Sang, 2003)

Seterusnya, video pengajaran kemahiran menerang ini juga menunjukkan kekuatan dengan menerangkan prinsip kemahiran menerang iaitu dengan mendapat maklum balas pelajar. Jika kita lihat, guru seorang yang sangat aktif dalam melibatkan semua pelajar apabila guru membincangkan mengenai topik-topik yang diajarkan. Guru juga memberi pujian kepada murid yang menjawab dengan betul, hal ini dapat meningkatkan keseronokan belajar dan menjadikan pembelajaran lebih berkesan. Hubungan dua hala yang berlaku mampu menarik minat pelajar untuk fokus ketika berada di dalam kelas. Merujuk kepada artikel yang bertajuk, meningkatkan kemahiran menyoal dalam pengajaran (*Enhancing questioning skills in teaching*) daripada Syafiq Mah Hasan menyatakan bahawa dengan adanya respon daripada pelajar juga tidak mewujudkan suasana pembelajaran yang bosan. Hal ini

dapat meningkatkan lagi tahap keyakinan pelajar. maka jelaslah bahawa apabila guru memberikan soalan dapat melibatkan pelajar sepenuhnya secara aktif di dalam pengajarannya. Apabila guru mendapat respon pelajar, guru dapat menerangkan dengan lebih terperinci kepada murid walaupun topik pembelajaran tersebut merupakan suatu topik yang amat kompleks. Sekiranya kemahiran ini digunakan dengan berkesan, tahap prestasi pelajar akan meningkat dan proses pengajaran dan pembelajaran akan bertambah aktif dan lebih merangsangkan.

Kelemahan yang dapat kita lihat dalam video ini adalah apabila guru menunjukkan video powertoon dalam menerangkan mengenai pemanasan global, semasa video dimainkan, guru tidak menerangkan apa yang terdapat pada video tersebut, Hal ini menjadikan suasana menjadi sunyi seketika, pada pendapat saya seharusnya apabila video powertoon berjalan, guru juga perlu menerangkan berkaitan apa yang terdapat pada video tersebut. Hal ini bagi memastikan murid lebih faham tentang apa yang disampaikan.

Penambahbaikan yang boleh dibuat adalah guru juga boleh membantu murid untuk mengingati sesuatu perkara dengan memberikan aktiviti kepada murid. Oleh itu, guru harus menggunakan variasi atau kata penghubung dalam penyampaian di samping pelbagaikan kelajuan penyampaian. Hal ini supaya dapat mengalakkan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Kesannya, murid dapat menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran guru semasa di dalam bilik darjah jika penerangan yang diberikan menarik dan bermakna. Murid juga akan dapat menumpukan sepenuh perhatian dengan baik.

4.0 AKTIVITI BERKUMPULAN BERPUSATKAN PELAJAR (VIDEO 8)

Gall (dipetik daripada Killen, 1947) menyatakan bahawa kaedah perbincangan merupakan satu kaedah yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah perbincangan dilakukan secara dalam kumpulan kecil bagi memastikan murid lebih faham mengenai pembelajaran yang disampaikan. Pelajar akan saling berkomunikasi dan berinteraksi antara sesama bagi mewujudkan suasana perbincangan yang lebih selesa. Pada masa ini, guru akan memantau murid sepanjang sesi perbincangan berlangsung.

Saya telah memilih aktiviti berkumpulan berpusatkan pelajar iaitu kaedah lakonan dengan melihat kepada video ke-8 yang berdurasi selama 15.48 saat. Dalam video ini kita dapat melihat guru dan murid saling berkomunikasi antara satu sama lain dan menjalankan aktiviti lakonan dengan baik.

Kelebihan yang boleh saya katakana daripada video ini adalah prinsip kaedah lakonan sangat jelas apabila peristiwa yang dilakonan adalah bersesuaian. Pada awal pengajaran, guru menjelaskan bahawa topik yang akan dilakonan adalah berkaitan dengan kemerdekaan, tajuk yang dipilih adalah bersesuaian kerana topik kemerdekaan sesuai dilakonan bagi mewujudkan semangat cinta akan negara dalam kalangan pelajar. Dalam lakonan ini juga, kita dapat melihat sebelum dan semasa lakonan dijalankan, terdapat persiapan rapi yang telah dibuat dan pelakon yang terpilih juga telah melakonan watak dengan baik. Hal ini mampu menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran akan mudah untuk difahami. Kaedah lakonan ini sangat sesuai untuk dijalankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana mampu mempertingkatkan kemahiran pertuturan murid, selain itu, dapat melatih murid-murid berlakonan dengan gaya yang betul, dan sekaligus membawa kepada suasana pembelajaran yang berkesan, seronok dan menarik.

Namun begitu, kelemahan dapat video kaedah lakonan ini juga jelas kelihatan apabila watak yang diberikan kepada sebahagian pelakon adalah tidak bersesuaian. Apabila melakonan tajuk yang berkaitan dengan kemerdekaan, seharusnya pelakon dapat memahami situasi dengan baik agar dapat menjiwai watak yang diberikan. Menurut artikel yang bertajuk kaedah lakonan stanislavski sebagai modul untuk pengukuhan aspirasi murid dalam kalangan pelajar, ditulis oleh Nadhilah Binti Suhaim, Lena Farida Hussain Chin, dan Zaharul Lailiddin Saidon menjelaskan bahawa aspek pertama yang perlu dititikberatkan dalam aspek pemikiran kreatif dan inovatif yang memfokuskan kepada kesedaran dan pemahaman bagaimana masyarakat/individu/watak beremosi, bertutur, berfikir, berperilaku, dan menggunakannya untuk membina watak yang boleh dipercayai. Oleh itu, sekiranya watak tidak dapat dijelaskan dengan baik kepada penonton, maka menunjukkan bahawa lakonan tersebut tidak dapat menyampaikan matlamat sebenar. Kita juga dapat melihat bahawa kaedah lakonan ini menunjukkan murid-murid yang berlakonan lebih banyak mendapat manfaat dan pengalaman berbanding dengan penonton.

Oleh itu, penambahbaikan dalam video kaedah lakonan ini adalah memastikan agar pembahagian watak dapat diberikan dengan individu yang sesuai. Selain itu,

guru perlulah membuat persediaan yang lebih teratur, hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah lakonan bukannya mudah untuk disampaikan, oleh itu bagi memastikan murid memahaminya dengan baik, persediaan juga perlu diberikan masa yang betul. Menurut Lickona (1991) pembelajaran dalam keadaan ini akan menyebabkan konsep, fakta atau kemahiran yang dipelajari akan lebih cepat difahami atau mudah dikuasai. Daripada pembacaan artikel yang bertajuk membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa arab memberitahu bahawa pemilihan strategi, teknik dan aktiviti pengajaran yang baik dapat membina kefahaman pelajar terhadap pelajaran di bilik darjah serta dapat memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, sistematik, menarik dan menyeronokkan pelajar seterusnya memudahkan pelajar memahami isi pelajarannya.

5.0 RUMUSAN DAN PENUTUP (VIDEO 3)

Rumusan dan penutup dalam suatu kaedah pengajaran adalah penting untuk menentukan bahawa pengajaran guru itu berkesan dan berjalan lancar, kemahiran penutup pelajaran sama juga pentingnya dengan kaedah memulakan pengajaran. Penutupan pengajaran yang baik akan meninggalkan kesan yang berkesan dilubuk hati para pelajar. Oleh itu, seorang guru wajar untuk menguasai kemahiran rumusan dan penutup.

Saya telah memilih video ke-3 yang berdurasi selama 8.11 saat, hal ini kerana banyak kemahiran rumusan yang telah digunakan oleh guru tersebut bagi memastikan murid faham berkaitan topik yang diajarkan. Dalam video ini, guru telah menggunakan prinsip kemahiran penutup dengan menggunakan bahan bantu mengajar iaitu aplikasi kahoot bagi menguji sejauhmana kefahaman pelajar, guru telah menghubungkan aktiviti tersebut dengan objektif, isi pelajaran, dan kemahiran yang telah diajarkan. Dalam video tersebut, guru mengajarkan tentang kata ganda, dan guru membuat penilaian bahawa melalui aktiviti yang dijalankan terdapat sebahagian pelajar tidak memahami lagi tentang tajuk berikut. Di sini kita dapat lihat bahawa betapa pentingnya untuk membuat rumusan dalam pembelajaran kerana kita dapat mengetahui perkembangan pelajar kita dari semasa ke semasa. Pada akhir video juga, guru telah memberikan pujian kepada pelajar bagi sesiapa yang dapat menjawab soalan dengan betul. Pujian ini penting untuk menarik minat

dan menunjukkan tanda sokongan kepada mereka. Jika murid Pendidikan khas, penggunaan kata-kata pujian atau hadiah sangat memberikan impak yang positif. Guru perlu bijak dalam menggunakan peneguhan positif dalam pembelajaran agar murid berminat dengan subjek yang kita ajarkan. Pendekatan yang digunakan sangat berkesan lebih-lebih lagi untuk mengubah sikap yang negatif kepada lebih positif. Ini membuktikan bahawa ganjaran seperti pujian dan token ekonomi merupakan salah satu teknik yang mampu memberikan kesan dan memberi motivasi kepada murid sekiranya ia dilaksanakan sesuai dengan masalah yang hendak diselesaikan. Hal ini selari dengan pendapat Shapiro & Goldberg (1986) dan Anna McLoughlin, (2007) yang menyatakan bahawa penggunaan kaedah token ekonomi berkesan untuk meningkatkan tingkah laku positif murid.

Kelemahan yang jelas dalam video ini apabila guru melakukan penilaian secara berkumpulan dan bukannya individu. Hal ini menjadikan guru tidak mengetahui dengan terperinci berkaitan tahap pencapaian setiap murid, sekiranya guru ingin menilai tahap kefahaman pelajar guru boleh menjalankan aktiviti secara individu. Hal ini mampu memastikan semua pelajar dapat dibantu dalam sesi pengajaran.

Penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang lain selain daripada menjalankan kuiz. Guru boleh menjalankan aktiviti dengan melibatkan pelajar secara aktif. Hal ini sekaligus mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih seronok dalam kalangan pelajar. Bagi saya, video ini sudah memuaskan dan tidak banyak penambahbaikan yang perlu dibaiki, guru telah melakukan kemahiran membuat rumusan dengan baik kerana semua pelajar memberi respon terhadap pengajaran.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kita dapat menilai bahawa pengajaran mikro amat penting untuk dikuasai oleh guru. Dengan adanya ilmu dan pengetahuan mengenai pengajaran mikro, guru dapat merancang dan menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik, hal ini mampu untuk membantu pelajar agar dapat menjalani pembelajaran dengan lebih seronok dan minat dalam semua subjek. Kemahiran mikro amat sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 kerana melibatkan murid dalam semua aktiviti yang diadakan.

7.0 RUJUKAN

Mok Soon Sang (2001). Psikologi Pendidikan Untuk Diploma Perguruan Semester 1. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Marianne, S. (2014, August 6). 5 Research-Based Tips for Providing Students with Meaningful Feedback. Edutopia. <https://www.edutopia.org/blog/tipsproviding-students-meaningful-feedback-marianne-stenger>

Tuan Jah Tuan Yusof. (2007). Pembestarian Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia

Ee Ah Meng (1996). Psikologi Pendidikan 1 : Psikologi Perkembangan. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1987). Pedagogi Untuk Bakal Guru. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd

VIDEO

SET INDUKSI (VIDEO 1)

KEMAHIRAN MENERANG (VIDEO 1)

AKTIVITI BERKUMPULAN (VIDEO 8)

RUMUSAN DAN PENUTUP (VIDEO 3)